



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

RM287.8 JUTA DIPERUNTUKKAN KEPADA NEGERI TERENGGANU DI BAWAH *ROLLING PLAN* KELIMA (RP5) TAHUN 2025 MENERUSI PETRA MELIPUTI PELBAGAI PROJEK BERKAITAN AIR

Kuala Nerus, 24 Mei 2025 – RM287.8 juta telah diperuntukkan kepada negeri Terengganu bagi pelaksanaan pelbagai projek berkaitan air di bawah *Rolling Plan* Kelima (RP5) Tahun 2025 menerusi Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Berdasarkan rekod sistem MyProjek sehingga 19 Mei 2025 di dalam *Rolling Plan* Kelima (RP5) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan menerusi PETRA telah meluluskan 27 projek merangkumi 22 projek berkaitan sumber air, tebatan banjir dan hakisan pantai yang dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); 3 projek bekalan air yang dilaksanakan Jabatan Bekalan Air (JBA) dan 2 projek berkaitan pembedungan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP).

Kunjungan PETRA Skwad Zon Timur 2025 yang telah diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha PETRA ke lokasi Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Kuala Nerus hari ini meninjau perkembangan projek tersebut dengan status kemajuan fizikal terkininya adalah 24.5% dan dijangka siap pada Januari 2027.

Projek dengan peruntukan Pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan menerusi PETRA bernilai RM90 juta ini meliputi kerja-kerja *beach nourishment* sepanjang 2 kilometer dan pembinaan 16 *breakwater* akan memulihara semula kawasan pantai yang terjejas akibat hakisan dari Pantai Mengabang Telipot hingga ke Pantai Batu Rakit, Kuala Nerus. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat mengekalkan garisan pantai,

menghalang berlakunya banjir pantai dan seterusnya mengelak daripada berlakunya kemusnahan harta benda dan infrastruktur bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat.

Sebelumnya, jelajah PETRA Skwad Zon Timur terlebih dahulu telah mengadakan tinjauan ke Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1, Kota Bharu, Kelantan di mana projek ini telah dilaksanakan bermula Januari 2018 dengan kemajuan fizikal projek terkini adalah 95.9% dan dijangka siap sepenuhnya pada September 2026. Peruntukan Projek PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 yang diluluskan di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan menerusi PETRA ini bernilai RM669 juta, melibatkan tiga (3) komponen iaitu Tebatan Banjir, Saliran Mesra Alam dan *Living River*.

PETRA Skwad Zon Timur yang berlangsung selama dua hari bermula 24 sehingga 25 Mei 2025 kali ini turun padang ke beberapa lokasi di Kelantan dan Terengganu bagi meninjau perkembangan projek dan inisiatif sektor air dan tenaga. Semasa hari pertama, antara lokasi lain PETRA Skwad adalah tinjauan ke EV (*Electric Vehicle*) Charger@AEON Mall dan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) pelbagai agensi di bawah PETRA di Masjid Al-Hijrah Tok Bali di Kota Bharu, Kelantan.

Dengan memberi tumpuan kepada sektor air dan tenaga yang merupakan dua elemen asas dalam kehidupan harian rakyat, jelajah PETRA Skwad mencerminkan usaha menterjemah prinsip Malaysia MADANI dari aspek kesejahteraan rakyat dan tanggungjawab kerajaan dalam memastikan kelestarian sumber dan peningkatan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh menerusi penambahbaikan terhadap dasar-dasar sedia ada mampu memberi impak langsung kepada kesejahteraan masyarakat, terutamanya di kawasan pantai timur.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 24 MEI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

